

03/08/1999

Perak beri derma RM67,509.89

IPOH, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima sumbangan RM67,509.89 daripada Kerajaan Perak bagi mengisi Tabung Barisan Bertindak Kosovo (BBK).

Sumbangan disampaikan oleh Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib kepada Perdana Menteri dalam majlis jamuan makan tengah hari bersama pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN), ketua jabatan negeri dan Persekutuan serta pemimpin persatuan di Dewan Bankuet Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Wang itu hasil sumbangan pegawai, anggota pentadbiran negeri dan individu di Perak yang prihatin terhadap penderitaan etnik Albania di Kosovo.

Sementara itu, Kelab Kiwanis-Metro Kuala Lumpur (KKMKL) menyampaikan sumbangan RM8,000 untuk mengisi BBK bagi membantu mangsa pelarian etnik Albania, di Kosovo.

Sumbangan itu adalah sebahagian daripada RM40,000 hasil kutipan projekprojek Membeli Bunga Untuk Kemanusiaan yang dianjurkan oleh KKMKL.

Wartawan The New Straits Times (NST), Abdul Razak Ahmad, menerima sumbangan itu yang disampaikan oleh Ketua Umno Bahagian Lembah Pantai, Datuk Mohamad Kamal Hussain.

Di majlis itu, Kiwanis turut menyumbangkan RM20,000 daripada hasil kutipan program itu bagi mangsa Japanese Encephelitis (JE), di Bukit Pelandong, Negeri Sembilan dan Pusat Latihan Kelab Kiwanis (RM12,000). Majlis itu turut dihadiri oleh Menteri Pembangunan Negara dan Kebajikan Masyarakat, Datuk Paduka Zaleha Ismail dan Pengerusi Jawatankuasa projek 'Membeli Bunga Untuk Kemanusiaan' Kelab Kiwanis-Metro Kuala Lumpur, Cecilia Lim.

BBK turut menerima sumbangan daripada United Merchant Finance Berhad (UMF) bernilai RM2,456.42 hasil kutipan sempena sempena Hari Keluarga pada 29 Julai lalu.

Di KULIM, guru, kakitangan dan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Kulim (SMKK) turut prihatin terhadap penderitaan dihadapi penduduk etnik keturunan Albania di Kosovo dengan menyumbangkan sebanyak RM1,285.03 kepada BBK.

Sumbangan berkenaan disampaikan pengetuanya, Siti Faridah Mohd Noor kepada wakil Berita Harian, Ahmad Che Doh di sekolah berkenaan, hari ini.

Di MELAKA, Sekolah Kebangsaan Bukit Beruang (SKBB) di sini, berjaya mengumpul sejumlah RM1,010.10 untuk diserahkan kepada BBK.

Sekolah yang memenangi anugerah Sekolah Harapan Negara 1999 itu berjaya mengumpulkan kutipan itu berkenaan dalam tempoh dua minggu hasil sumbangan guru, kakitangan, ibu bapa serta murid.

Wang derma BBK itu diserahkan Guru Besar SKBB, Sahara Mohd Sudi kepada Eksekutif Kanan Pengedaran The New Straits Times (Press) Berhad (NSTP) cawangan Melaka, Wendy Tan dalam satu majlis ringkas di sekolah berkenaan.

(END)